

21 AUG 2002

Ng-Merdeka

SEKOLAH BERASRAMA DIGESA RAI AMBANG MERDEKA

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Sekolah-sekolah berasrama di seluruh negara digesa bersama-sama meraikan sambutan Ambang Merdeka bagi menanam dan meningkatkan semangat cintakan negara serta menghayati erti sebenar kemerdekaan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Dr Ng Yen Yen berkata Kementerian Pendidikan bersetuju dan telahpun mengeluarkan arahan agar sekolah-sekolah ini mengadakan aturcara sempena sambutan itu.

"Asrama-asrama berkenaan boleh mengadakan pelbagai aturcara contohnya jamuan kecil sambil menunggu detik 12 malam untuk melaungkan jeritan 'Merdeka' yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari Dataran Merdeka yang boleh diikuti melalui siaran langsung stesen televisyen," katanya pada sidang media perayaan Ambang Merdeka 2002 di sini hari ini.

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan tahun ini, Perayaan Ambang Merdeka secara besar-besaran bagi tahun ketiga sejak diperkenalkan pada tahun 2000 akan diadakan di Dataran Merdeka pada 30 Ogos bermula 8.30 malam.

Dr Ng berkata selain sambutan di Dataran Merdeka, pihak swasta turut menganjurkan pelbagai acara seperti di Petaling Street, Bintang Walk, Sunway Lagoon, The Mines dan Genting World Resort.

Antara acara menarik pada malam itu ialah menghitung detik 12 malam, tujuh laungan Merdeka, mengibarkan bendera Jalur Gemilang, nyanyian lagu Negaraku, Keranamu Malaysia dan Jalur Gemilang selain persembahan hiburan.

"Di Dataran Merdeka istimewa tahun ini ialah persembahan hiburan dari tahun 50an hingga sekarang dan sedutan teater Merdeka, Merdeka, Merdeka," katanya.

Selain itu, Dr Ng berkata rakyat yang tidak turut serta dalam perayaan Ambang Merdeka di tempat-tempat yang disediakan seharusnya mengadakan sambutan sendiri sama ada di kampung, kawasan perumahan mahupun kalangan anggota keluarga.

"Kita berharap dengan cara ini dapat merapatkan hubungan dan perpaduan di kalangan masyarakat khususnya antara jiran dari pelbagai kaum," katanya.

-- BERNAMA

SNS AHH ROS